

15/03/1997

Siasatan nahas secepat mungkin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Polis akan berusaha menyelesaikan siasatan nahas helikopter Agusta A 109E Power yang mengorbankan Tan Sri Yahaya Ahmad, isteri dan juruterbangnya secepat mungkin, kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor.

"Siasatan sedang berjalan dengan menemuramah pelbagai pihak termasuk pakar serta jurutera dari Itali. Ini memakan masa.

"Kami akan menyiasat semua aspek termasuk kemungkinan kecuaiian, kegopohan atau kesalahan sesiapa berkaitan operasi helikopter itu mengikut peruntukan undang-undang," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar selepas menerima 20 Terminal Data Prototaip Tanpa Wayar di sebuah hotel di sini, hari ini.

Menurutnya, Kabinet tidak menetapkan masa tertentu untuk menyiapkan laporan siasatan dan polis akan menyiapkannya secepat mungkin.

"Kalau boleh saya mahu siapkannya dalam tempoh seminggu. Malangnya, keadaan tidak membenarkan kami mencapainya secepat itu," katanya.

Pada 3 Mac lalu, Pengerusi Hicom Holdings Berhad, Tan Sri Yahaya Ahmad, 51, serta isterinya, Puan Sri Rohana Othman serta juruterbang Mejar (B) Azlizan Abdul Manas terkorban dalam nahas helikopter di Kampung Sungai Atong, Jerangsang, Kuala Lipis, Pahang kira-kira jam 10.45 malam.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta siasatan menyeluruh dijalankan bagi mengenal pasti punca nahas helikopter Agusta A 109E Power milik Gadek Aviation itu.

Sementara itu, Rahim berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan terus bertindak terhadap anggotanya yang terbabit dengan jenayah hingga semua kegiatan rasuah itu dibanteras.

"Tindakan terhadap anggota yang terbabit dengan jenayah itu bukannya bermusim. Ia adalah langkah berterusan hingga kami dapat mengembalikan kepercayaan masyarakat.

"Jika mendapat bukti pembabitan itu, kami akan mengambil tindakan mengikut Akta Darurat dan mereka akan dibuang kerja," katanya.

Beliau bagaimanapun, tidak mendedahkan jumlah anggota polis yang dikenakan tindakan setakat ini kerana didapati terbabit dengan jenayah.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan bekas pegawai Cawangan Khas, Ku Izham Ku Adnan, 37, mengenai 13 anggota polis di Johor terbabit dengan kegiatannya.

Ku Izham dihukum penjara seumur hidup dan 10 sebatan selepas mengaku bersalah melakukan rompakan bersenjata api membabitkan wang tunai berjumlah RM103,970 di Jalan Tun Abdul Razak, Johor Bahru, 25 September 1995 bersama dua lagi rakannya yang masih bebas.

Awal minggu lalu, enam anggota polis ditahan di Johor Bahru mengikut Akta Darurat kerana dipercayai terbabit kegiatan jenayah termasuk rompakan bersenjata.

(END)